

# PENGUPAYAAN EKONOMI “UMMAH TERSISIH” MELALUI INSTRUMEN WAKAF

Nik Mohd Azim Bin Nik Ab Malik  
Muhammad Hakimi Mohd Shafiai

## ABSTRAK

Penyisihan sosial adalah merupakan konsep yang telah digunakan secara meluas di negara-negara maju. Di mana konsep ini memberi tumpuan kepada bentuk kontemporari bagi kelemahan sosial dan masyarakat terpinggir. Dari perspektif ekonomi, penyisihan sosial berlaku apabila suatu golongan dalam sesebuah komuniti mengalami kombinasi rangkaian masalah seperti pengangguran, memiliki tahap kemahiran yang rendah, pendapatan rendah, perumahan miskin dan sebagainya. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk memberi tumpuan kepada idea bagaimana wakaf yang merupakan salah satu daripada instrumen penjana kekayaan dalam Islam, boleh memainkan peranan dalam menangani masalah penyisihan sosial dalam bentuk pengupayaan ekonomi. Kajian ini mencadangkan penubuhan tabung kewangan wakaf dan pasar wakaf sebagai mekanisme yang boleh membantu bagi mencapai cita-cita tersebut.

**Kata Kunci:** Penyisihan Sosial, Tabung Kewangan Wakaf, Pasar Wakaf

## 1. PENDAHULUAN

Malaysia telah mencapai kemajuan ekonomi yang positif sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Dari sudut pertumbuhan ekonomi, Malaysia secara konsisten telah mencapai pertumbuhan ekonomi secara purata dalam tempoh 10 tahun iaitu bermula pada tahun 2003 sehingga 2012 adalah sebanyak 4.83% (Laporan Ekonomi pelbagai tahun). Ini menggambarkan bahawa betapa kedudukan ekonomi Malaysia sedang berkembang dengan rancak. Dari sudut pembasmian kemiskinan, Malaysia telah mencapai tahap yang cukup membanggakan apabila telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan sebanyak 92.3% dalam tempoh 39 tahun iaitu daripada 49.3% insiden kemiskinan pada tahun 1970 kepada 3.8% pada tahun 2009 (Unit Perancang Ekonomi 2010). Begitu juga dari aspek jurang pendapatan, yang mana Malaysia telah berjaya mengecilkan jurang pendapatan dalam tempoh 42 tahun iaitu bermula tahun 1970 hingga tahun 2012 sebanyak 15% iaitu dari 0.513 pekali gini pada tahun 1970 kepada 0.431 pekali gini pada tahun 2012 (Unit Perancangan Ekonomi pelbagai tahun).

Namun begitu, walaupun keadaan ekonomi negara ini sentiasa berkembang positif dari tahun ke tahun, didapati bahawa masih terdapat ramai lagi kumpulan komuniti kurang bernasib baik yang hidup tercicir daripada arus pembangunan ekonomi seperti golongan papa yang hidup mengemis, orang kurang upaya (OKU), komuniti warga emas, orang asli dan sebagainya. Berkenaan dengan orang papa, laporan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat mencatatkan bahawa terdapat sebanyak 1446 bilangan kes orang papa pada tahun 2011 yang mana angka ini menunjukkan peningkatan sebanyak 0.84% berbanding hanya 1434 kes orang papa yang telah diselamatkan pada tahun 2010. Daripada angka pada tahun 2011 tersebut, didapati bahawa 91.1% daripadanya adalah terdiri daripada golongan dewasa dan 8.9% adalah terdiri daripada kanak-kanak (Jabatan Kebajikan Masyarakat 2014). Manakala bagi OKU pula, seramai 359, 203 orang yang dilaporkan telah berdaftar di jabatan kebajikan masyarakat pada tahun 2011 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2012).

Di mana kumpulan komuniti ini biasanya mengalami kesukaran hidup dan hidup dalam keadaan serba kekurangan bukan sahaja dari sudut kewangan malah dari sudut kualiti hidup yang lain seperti pendidikan, penerimaan kemudahan asas, pekerjaan, perumahan dan sebagainya. Dan yang paling membimbangkan adalah kumpulan komuniti ini merupakan kumpulan komuniti yang berisiko tinggi untuk mengalami masalah yang dikenali sebagai penyisihan sosial.

## 2. KONSEP PENYISIHAN SOSIAL (*SOCIAL EXCLUSION*)

Istilah penyisihan sosial (PS) merupakan satu konsep yang diguna pakai secara meluas dalam pelbagai disiplin ilmu sains sosial seperti sosiologi, pendidikan, psikologi, ekonomi dan politik. Di mana konsep PS ini memberi gambaran tentang kekurangan dan pengenehan terhadap masyarakat terpinggir. Dalam bahasa inggeris perkataan *exclusion* juga boleh merujuk kepada perkataan *marginalization* atau dalam bahasa Melayunya disebut sebagai peminggiran. Peminggiran atau *marginalization* adalah merupakan satu konsep yang menggambarkan keadaan sesuatu golongan masyarakat yang kurang diberi perhatian oleh kerajaan dalam arus pembangunan yang mana golongan yang terpinggir ini hanya dapat menikmati faedah yang sedikit sahaja daripada dasar-dasar tersebut berbanding dengan golongan yang lainnya (Mohd Fauzi 2006).

PS adalah konsep baru bagi kekurangan sosial, kesukaran hidup dan tekanan hidup (Silver 1995). Di mana tema ini sering digunakan untuk merujuk kepada sekumpulan individu kelas bawahan serta konsep ini juga amat sinonim dengan kemiskinan iaitu ia sering diterjemahkan sebagai satu bentuk baru kemiskinan (Siti Hajar 2009). Idea PS pada asalnya iatelah dibangunkan oleh ahli sosiologi dari negara Perancis. Di mana idea tersebut telah digunakan secara meluas di Perancis pada tahun 1970an, tahun 1990an di Kesatuan Eropah dan di United Kingdom pada tahun 1997 bagi menjustifikasikan sebab-musabab mengapa ada segelintir kumpulan sosial dalam masyarakat ketinggalan atau terkebelakang dalam arus pemodenan negara (Siti Hajar *et al* 2012). Dalam pemikiran *French Republican*, PS merujuk kepada proses penyingkiran sosial (Paugam 1993 dalam Bhalla & Lepyre 1997) atau pemisahan sosial (Castel 1995 dalam Bhalla & Lepyre 1997) yang mana ia membawa kepada terputusnya hubungan sosial di antara masyarakat dengan individu. PS berlaku apabila rakyat mengalami kekurangan dan tidak berupaya untuk mendapatkan hak-hak sosial yang sepatutnya mereka perolehi seperti pekerjaan, perumahan, perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan sebagainya.

Berdasarkan definisi daripada *dictionary of sociology*, PS adalah proses yang mana individu atau isi rumah mengalami kedaifan samada dari sudut sumber (seperti pendapatan) ataupun hubungan sosial terhadap komuniti yang lebih besar (Scott & Marshall 2009). Manakala menurut Department of International Development (2005) pula, PS merupakan proses yang mana sekumpulan komuniti tertentu mengalami nasib kurang baik secara sistematik kerana mereka didiskriminasi atas sebab etnik, bangsa, agama, orientasi seksual, kasta, keturunan, gender, umur, kecacatan, status virus kurang daya tahan (HIV), status pendatang atau di mana mereka tinggal. Kumpulan komuniti ini biasanya disisih daripada sektor pekerjaan, pendidikan, kewarganegaraan, sokongan kewangan daripada institusi kewangan dan sebagainya. Di mana penyisihan sosial mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan penyisihan kewangan atau *financial exclusion* (Anderloni *et al.* 2008).

British Social Exclusion Unit (2004) menyatakan bahawa PS berlaku apabila orang atau kawasan yang mengalami kombinasi masalah-masalah yang berkaitan seperti pengangguran,

tahap kemahiran yang rendah, pendapatan rendah, perumahan yang daif, jenayah yang tinggi, kesihatan yang kurang baik dan perpecahan keluarga. Konsep PS bukan hanya terpakai kepada individu tertentu semata-mata, akan tetapi ia terdiri daripada tiga peringkat iaitu individu, kumpulan atau sesuatu masyarakat (Bryne 1999).

Dalam menghuraikan tentang PS, United Nations Development Programme Croatia (2006) telah mengkategorikan kumpulan sosial yang berisiko tinggi untuk mengalami masalah PS sebagaimana berikut:

Jadual 1: Kategori Kumpulan Sosial yang Berisiko Tinggi Mengalami Masalah Penyisihan Sosial

Jenis Penyisihan Sosial	Kumpulan Sosial Yang Berisiko Tinggi Untuk Mengalami Penyisihan Sosial
1. Penyisihan berdasarkan status ekonomi	Fakir miskin, penganggur (terutamanya yang telah manganggur dalam jangka panjang), orang yang tidak mempunyai tempat berteduh, suri rumah, orang yang pulang daripada berperangan, pelarian dalaman, migran.
2. Penyisihan berdasarkan struktur keluarga	Isi rumah tunggal, ibu atau bapa tunggal, anak-anak tanpa penjagaan ibu bapa, pasangan yang mempunyai tiga atau lebih orang anak.
3. Penyisihan berdasarkan identifikasi	Golongan minoriti berdasarkan etnik/bangsa/pegangan agama, minoriti seksual (populasi LGBTT), orang yang hidup dengan cara hidup alternatif (contoh: punk)
4. Penyisihan berdasarkan umur	Belia yang berumur antara 15 hingga 29 tahun, warga emas (berumur 65 tahun ke atas) dan pesara.
5. Penyisihan berdasarkan perbuatan salah laku jenayah.	Banduan dan bekas banduan, delikuen juvana, mangsa keganasan.
6. Penyisihan berdasarkan tahap pendidikan	Golongan yang berpendidikan rendah atau tiada pendidikan.
7. Penyisihan berdasarkan tahap kesihatan	Golongan dengan keperluan khas, orang yang mengidap penyakit mental, HIV/AIDS dan hepatitis C, orang yang mengalami masalah penggantungan seperti alkohol dan penyalahgunaan dadah
8. Penyisihan berdasarkan jenis kecacatan	Golongan yang mengalami kecacatan fizikal dan kecacatan yang berkait dengan organ deria serta yang mengalami kesukaran mental atau intelektual.

Sumber: United Nations Development Programme Croatia (2006)

PS mempunyai kesan negatifnya yang tersendiri samada dari aspek sosial dan juga ekonomi. Dari aspek sosial, PS boleh memberi kesan negatif terhadap pembangunan individu dan keluarga disebabkan oleh pelbagai masalah psikologi seperti kemurungan, kebimbangan, tahap keyakinan diri yang rendah (*low self-esteem*) dan perasaan terasing (Goodban 1985). Manakala dari aspek ekonomi pula adalah masalah kemiskinan. Di mana kemiskinan itu digambarkan sebagai unsur penyisihan sosial (Haan 1998). Menurut Department for International Development (2005) PS boleh menyebabkan insiden kemiskinan melalui dua cara iaitu:

**i) Penyisihan sosial menyebabkan kemiskinan orang tertentu, yang membawa kepada kadar kemiskinan yang lebih tinggi di kalangan kumpulan komuniti yang terlibat.**

Ia memberi kesan kepada kumpulan komuniti ini secara material dengan menjadikan mereka miskin dalam konteks pendapatan, kesihatan atau pendidikan disebabkan mereka dinafikan untuk mengakses sumber, pasaran dan perkhidmatan awam. Ini bermakna mereka yang mengalami penyisihan sosial sering dinafikan peluang yang biasanya terbentang untuk orang lain bagi meningkatkan pendapatan mereka dan seterusnya untuk keluar dari belunggu kemiskinan. Jadi, walaupun negara mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat dan berlaku peningkatan dalam tingkat pendapatan, kumpulan komuniti tersisih berkemungkinan

ketinggalan ke belakang dan ini akan meningkatkan pertambahan kadar komuniti yang tetap kekal dalam kemiskinan.

**ii) Penyisihan sosial mengurangkan keupayaan produktif dan kadar penurunan kemiskinan bagi masyarakat secara keseluruhannya.**

PS menghalang kecekapan operasi kuasa pasaran dan menyekat pertumbuhan ekonomi. Sesetengah orang mempunyai idea yang bagus akan tetapi tidak berupaya mendapatkan modal untuk memulakan perniagaan. Diskriminasi yang berlaku dalam pasaran buruh akan membuatkan ibu bapa membuat keputusan adalah tidak berbaloi untuk membuat pelaburan dalam pendidikan untuk anak-anak mereka. Kumpulan komuniti yang mengalami PS sering melibatkan diri dengan masyarakat dalam terma yang tidak sama rata. Di mana pasaran buruh menunjukkan dengan jelas tentang eksploitasi terhadap kumpulan komuniti tersisih dan pada masa yang sama ia mengukuhkan lagi keadaan yang serba kekurangan yang dialami oleh mereka itu. PS juga meningkatkan tahap ketidakseimbangan ekonomi dalam masyarakat, yang mana ia mengurangkan kesan pengurangan kemiskinan yang disebabkan oleh kadar pertumbuhan.

Di samping masalah kemiskinan, PS juga sangat berkait rapat dengan masalah penyisihan kewangan (*financial exclusion*). Di mana terdapat kesepakatan di antara penulis bahawa penyisihan kewangan boleh jadi samada penyebab atau kesan daripada PS atau kedua-duanya (Howell, 2005 dalam Warsame 2009). Penyisihan kewangan adalah proses di mana rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana secara langsung dan secara tidak langsung disisih daripada sistem kewangan formal dan dinafikan akses ke dalam perkhidmatan kewangan runcit arus perdana (Leyshon 2009).

Dari perspektif agama Islam, PS bukanlah merupakan sesuatu yang baik dan ia perlu dirawat. Hal ini kerana sebagai mana telah dijelaskan sebelum ini bahawa PS sangat berkait rapat dengan masalah kemiskinan. Sedangkan Islam memandang kemiskinan sebagai satu musibah yang harus dihindari dengan pelbagai cara. Di mana Rasulullah SAW sendiri pernah mengajarkan kepada kita doa memohon perlindungan Allah SWT daripada kemiskinan dan keburukan-keburukannya (Yusuf 2000). Contohnya doa :

اللهم اني اعوذ بك من الكفر والفر

*Ya Allah, aku berlindung kepadaMu daripada kemiskinan dan kekufuran.*

[Hadith riwayat Abu Daud dalam Yusuf (2000)]

اللهم اني اعوذ بك من الفقر والقلة والذلة. واعوذ بك من ان اظلم او اظلم.

*Ya Allah, aku berlindung kepadaMu daripada kemiskinan, kekurangan dan kehinaan. Dan aku berlindung kepadaMu daripada menganiayai atau dianiaya.*

[Hadith riwayat Abu Daud, an-Nasa'i, Ibnu Majah dan al-Hakim dalam Yusuf (2000)]

Selain itu, terdapat banyak ayat al-Quran & hadith Nabi SAW yang menunjukkan bahawa kemiskinan itu adalah merupakan satu malapetaka yang berbahaya yang boleh merosakkan akhlak & moral individu serta membawa kepada keruntuhan sebuah masyarakat secara

keseluruhannya. Di mana kemiskinan dan kesempitan hidup akan mendorong seseorang itu melakukan jenayah di samping perkara-perkara yang menjatuhkan maruahnya sendiri. Contoh ayat al-Quran yang berkaitan adalah surah al-An'am ayat 151 dan surah al-Isra' ayat 31. Kedua-dua ayat tersebut adalah sebagaimana berikut:

وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ مِنْ إِمْلَاقٍ نَحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ

*Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kepapaan, (sebenarnya) Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka.*

(Surah al-An'am: 151)

وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ خَشْيَةَ إِمْلَاقٍ نَحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ إِنَّ قَتْلَهُمْ كَانَ خِطْئًا كَبِيرًا

*Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan; Kamilah Yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan Yang besar.*

(Surah al-Isra': 31)

Dalam surah al-An'am di atas disebutkan bahawa motif pembunuhan ialah kerana kemiskinan, manakala dalam surah al-Isra' pula disebutkan bahawa tujuannya ialah kerana takutkan kemiskinan. Oleh yang demikian jelaslah bahawa ayat ini menunjukkan kepada kita Islam menyedari kesan negatif yang ditimbulkan oleh faktor-faktor ekonomi terhadap perilaku manusia. Sebagaimana ia juga memberitahu kita bahawa bagi sesetengah manusia, kadang-kadang masalah ekonomi itu boleh memusnahkan perasaan kasih sayang seorang bapa terhadap anaknya (Yusuf 2000).

Melalui dalil hadith pula, Rasulullah SAW pernah menceritakan sebuah kisah seseorang lelaki yang bersedekah pada malam hari kepada seorang lelaki, akan tetapi ternyata lelaki itu ialah seorang pencuri. Orang ramai menjadi heboh membincangkan perkara itu. Pada keesokan malamnya dia kembali bersedekah. Kali ini diberikannya sedekah itu kepada seorang perempuan. Tetapi perempuan yang menerima sedekah itu ternyata seorang pelacur. Pada satu malam dia tertidur dan melihat seseorang telah datang kepadanya seraya berkata: "Sedekah yang engkau berikan kepada seorang pencuri itu telah menahannya daripada melakukan pencurian. Dan sedekah yang telah engkau berikan kepada pelacur itu pula telah menahannya daripada melakukan perzinaan."

(Riwayat Bukhari & Muslim dalam Yusuf 2000).

Konklusinya, Islam memandang PS dan kemiskinan sebagai satu bencana yang berbahaya yang mesti diatasi dengan sedaya mungkin. Islam juga menentang pandangan sebahagian manusia yang beranggapan bahawa kemiskinan merupakan nasib setiap manusia yang telah ditakdirkan oleh Allah. Oleh itu mereka berpendapat tidak ada jalan keluar yang akan mampu menyelesaikan masalah tersebut dan manusia harus menerimanya dengan pasrah, redha dan berpuas hati. Dalam konteks ini, Islam mempunyai cara-caranya yang tersendiri dalam menyelesaikan masalah ini. Antara saranan-saranan yang diajarkan oleh Islam adalah usaha dan kerja, bantuan daripada kaum keluarga yang berkemampuan, zakat, pelbagai kewajipan dalam harta kaum muslimin selain zakat dan sedekah sukarela serta simpati peribadi (Yusuf 2000). Oleh yang demikian, objektif kajian ini cuba untuk memfokuskan kepada cadangan

idea tentang bagaimana wakaf yang merupakan salah satu aset kewangan awam dan instrumen penciptaan kekayaan dalam Islam boleh memainkan peranan untuk menangani masalah komuniti PS dari sudut pengupayaan ekonomi mereka.

### 3. KONSEP WAKAF

Secara umumnya wakaf merupakan salah satu instrumen penciptaan kekayaan yang sangat penting dalam Islam bagi membangunkan sosio-ekonomi umat Islam. Perkataan wakaf berasal daripada bahasa arab iaitu *waqf* yang merupakan kata nama terbitan (*masdar*) daripada kata kerja *waqafa* (Asmak 2009). Dari sudut bahasa perkataan wakaf bermaksud الحبس (*al-habsu*) iaitu menahan. Ia dinamakan *habsu* kerana hanya manfaatnya sahaja yang boleh dimiliki oleh individu sedangkan hak milik sebenar harta tersebut adalah Allah SWT.

Manakala definisi wakaf dari sudut istilah syariah pula adalah menahan harta asal dan menginfakkan hasilnya di jalan Allah SWT atau menurut jumhur fuqaha wakaf adalah menahan sesuatu harta seseorang untuk dimanfaatkan oleh orang lain dengan terputusnya hak milik ke atas harta tersebut. Di mana harta yang diwakafkan itu hendaklah berada dalam keadaan baik, kekal dan tujuan ia melakukan wakaf adalah untuk mendekati diri kepada Allah SWT dan memberi kebajikan kepada orang lain serta pewakaf juga tidak lagi mempunyai hak ke atas harta wakaf tersebut (Asmak 2009).

Antara hikmah disebalik amalan wakaf adalah, ia membuka ruang kepada umat Islam untuk mendekati diri kepada Allah dengan cara mengalirkan harta di jalan Allah. Selain itu wakaf dapat menunaikan impian pewakaf untuk melihat amal kebajikannya sentiasa berterusan walaupun selepas kematiannya dan ganjaran pahala sentiasa akan diperolehinya ketika di kubur walaupun ia tidak boleh lagi beramal di dunia. Pada ketika itu harapannya hanyalah kepada harta yang telah diwakafkannya kerana Allah ketika masih hidup. Melalui wakaf juga kepentingan Islam akan tercapai. Di mana sekiranya harta-harta wakaf itu diuruskan dengan baik, ia boleh menjadi aset yang baik untuk mencapai kepentingan masyarakat Islam seperti membina masjid, sekolah, menghidupkan ilmu, menghidupkan syiar-syiar Islam dan sebagainya (Mustafa al-Khin *et al.* 2009). Terdapat beberapa dalil-dalil daripada al-Quran dan as-sunnah berkenaan pensyariatan amalan wakaf dalam Islam, antaranya adalah firman Allah SWT:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

*Kamu sekali-kali tidak akan mencapai kebajikan yang sebenarnya sehingga kamu menginfakkan sebahagian daripada harta yang paling kamu sayangi dan apa sahaja yang kamu infakkan dari sesuatu, maka sesungguhnya Allah mengetahui.*

(Surah Ali-Imran: 92).

Diriwayatkan daripada Anas bin Malik, bahawa sahabat Rasulullah SAW yang bernama Abu Talhah merupakan seorang Ansar yang paling banyak memiliki kebun kurma di Madinah. Antara kebun kurma yang paling disayanginya adalah kebun kurmanya di Bairuha yang terletak di hadapan masjid. Apabila diwahyukan ayat al-Quran tersebut kepada baginda Rasulullah SAW, maka Abu Talhah mewakafkan kebun kurma milik beliau di Bairuha itu seraya berkata: “Sesungguhnya harta yang paling aku sayang ialah hartaku di Bairuha dan sesungguhnya hartaku di Bairuha itu aku wakafkan ke jalan Allah SWT” (Asmak 2009).

Dalil yang seterusnya adalah berdasarkan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah iaitu Rasulullah saw bersabda:

إذا مات الأنسان انقطع عمله إلا من ثلاث صدقة جارية وعلم ينتفع به وولد صالح يدعو له

Apabila mati seorang anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya.

(Hadith Riwayat Muslim)

Imam al-Rafi'i menjelaskan perkataan sedekah jariah dalam hadith dengan maksud wakaf. Ini kerana pahala sedekah jariah wakaf terus-menerus mengalir kepada orang yang melakukannya, sedangkan sedekah yang lain, pahalanya tidak berpanjangan mengalir seperti wakaf (Mohamad Akram *et al.* 2008).

Konsep wakaf adalah berbeza daripada instrumen kewangan awam Islam yang lain seperti zakat, sedekah umum, hibah dan sebagainya. Hal ini kerana wakaf mempunyai ciri-ciri keistimewaannya yang tersendiri berbanding instrumen-instrumen kewangan awam Islam tersebut. Di mana keistimewaan itu hanya terdapat pada wakaf sahaja iaitu ia terletak pada sifat *al-habsu* (menahan) dan konsep pemisahan di antara hak milik dan hak atau faedah penggunaan yang ada padanya. Melalui amalan wakaf, ia akan menyebabkan kuasa pemilikan harta daripada tuannya terhadap harta tersebut akan terhapus. Pewakaf tidak boleh lagi memiliki harta yang telah diwakafkannya itu dengan apa jua cara sekalipun kecuali sebagai pengurus harta wakaf (Mohamad Akram *et al.* 2008) yang mana harta wakaf ini tidak boleh dijual, tidak boleh diberikan kepada orang lain dan tidak boleh diwarisi (Asmak 2009). Hal ini adalah berdasarkan dalil hadith Ibnu Umar berikut:

ملا قط أنفس منه فكيف تأمر به؟ قال: ان شئت حبست أصلها وتصدق بها. فتصدق عمر أنه لا يباع

أصلها ولا يوهب ولا يورث في الفقراء والقرباء والرقاب وفي سبيل الله والضيف وابن السبيل لا جناح على من

وليها أن يأكل منها با مالمعروف أو يطعم صديقا غير متمول فيه.

Daripada Nafi' daripada Ibnu Umar beliau menyebutkan bagaimana Umar r.a telah memperolehi tanah di bumi Khaibar. Beliau lalu bertanya kepada Rasulullah saw: Wahai Rasulullah, saya telah memperolehi tanah di bumi Khaibar yang tinggi nilainya dan tidak pernah saya peroleh yang lebih tinggi nilai daripadanya. Apakah yang tuan nak saya lakukan? Rasulullah bersabda: Kalau kamu mahu, bekukan sumbernya dan bersedekah dengannya. Lalu Umar menyedekahkan tanah tersebut kepada fakir miskin, kaum keluarganya, untuk memerdekakan hamba, para tetamu dan orang musafir. Tanah tersebut tidak boleh dijual, dihibah atau dijadikan pusaka. Tetapi ia boleh digunakan dengan cara yang munasabah oleh pihak yang menguruskannya. Contohnya memakan harta tersebut tanpa menjadikannya sebagai sumber harta.

Dengan itu, harta yang diwakafkan itu akan kekal, manakala manfaatnya dapat digunakan oleh orang ramai secara berterusan. Dengan sebab itulah wakaf mampu menjadi penggerak kepada pembangunan sosial dan ekonomi umat Islam secara lestari. Di mana faedah daripadanya dapat dinikmati oleh semua generasi bukan hanya untuk generasi tertentu sahaja. Melalui wakaf, ia bukan sahaja membolehkan pewakaf mendapat ganjaran yang berterusan akan tetapi pihak yang menerima wakaf juga dapat menerima faedah secara berterusan. Pada

hari ini kita dapat melihat bahawa betapa wakaf merupakan instrumen kewangan awam yang sangat unggul, Universiti al-Azhar di Mesir sebagai contoh. Di mana universiti tersebut masih berdiri teguh sebagai salah sebuah institusi pengajian tinggi yang terunggul di dunia terutamanya dalam bidang ilmu-ilmu Islam. Sehingga kini pembiayaannya dikendalikan daripada harta wakaf yang memberi khidmat pengajian percuma kepada pelajar Islam dari seluruh dunia (Wan Ariffin *et al.* 2008). Walaupun universiti tersebut telah dibina sejak lebih kurang 1041 tahun yang lalu iaitu pada tahun 972, namun manfaat daripada hasil wakaf itu masih lagi dapat dinikmati oleh generasi hari ini.

### **3.1 Bentuk Harta Yang Boleh Diwakafkan**

Terdapat dua jenis harta yang boleh diwakafkan iaitu harta tak alih (*'aqar*) dan harta alih (*manqul*). Harta tak alih bermaksud harta yang tidak boleh dipindahkan contohnya tanah dan bangunan. Manakala harta alih pula ialah harta yang boleh dipindahkan atau dialihkan dari satu tempat ke tempat lain contohnya binatang, barang dagangan, wang, kenderaan, harta yang disukat dan harta yang ditimbang (Abdul Basir 2010). Bagi harta tak alih, para ulama telah bersepakat bahawa ia adalah sah memandangkan ia memenuhi prinsip utama wakaf iaitu harta yang kekal. Berkenaan dengan harta alih pula, terdapat perbezaan pendapat dikalangan ulama' tentang keharusan untuk mewakafkannya. Menurut pendapat jumur selain ulama

Hanafi bersepakat tentang keharusan wakaf harta alih dalam semua keadaan kerana jumur tidak mensyaratkan harta kekal sebagai syarat sah wakaf (Wahbah 2011). Sementara itu, bagi ulama Hanafi pula, hanya harta alih yang melekat pada harta tak alih secara kekal sahaja yang boleh diwakafkan kerana ia akan turut sama menyumbang kepada tujuan yang diwakafkan. Antara wakaf bentuk harta alih yang sangat popular diamalkan pada zaman kontemporari ini adalah wakaf tunai. Wakaf tunai merupakan amalan wakaf dalam bentuk wang tunai oleh seseorang individu atau sekumpulan individu untuk mencapai matlamat wakaf berkenaan. Wang dana wakaf yang terkumpul boleh digunakan untuk membeli harta tetap atau dilaburkan oleh nazir (pihak yang diberi hak untuk menjaga, mengurus dan membangunkan harta wakaf serta mengagihkan manfaat harta tersebut kepada penerima wakaf) supaya mendatangkan manfaat secara berterusan. Contoh wakaf tunai adalah saham wakaf dan takaful wakaf (Abdul Ghafar *et al.* 2011).

Saham wakaf adalah wakaf dalam bentuk saham yang dikeluarkan dan dijual oleh sesebuah institusi kepada orang ramai yang ingin membuat sumbangan wakaf berdasarkan jumlah yang tertera pada saham berkenaan. Manakala takaful wakaf pula adalah pelan takaful yang menghendaki supaya peserta mewakafkan semua perolehan manfaat takaful apabila peserta itu meninggal dunia atau pelan takaful berkenaan telah matang (Abdul Ghafar *et al.* 2011).

### **3.2 Sejarah Amalan Wakaf Dalam Sejarah Islam**

Dalam sejarah awal Islam iaitu pada zaman Rasulullah SAW, amalan wakaf kebanyakannya dilakukan oleh para sahabat baginda SAW dalam bentuk harta tak alih seperti kebun, telaga dan tanah. Contoh wakaf dalam bentuk kebun, seperti yang telah dilakukan oleh sahabat yang bernama Abu Talhah di Bairuha dan Bani An-Najjar yang kemudiannya kebun milik Bani An-Najjar itu digunakan untuk membangunkan masjid. Contoh wakaf yang berupa telaga pula, ia pernah dilakukan oleh Saidina Uthman Bin 'Affan iaitu beliau telah mewakafkan telaga Raumah yang dibelinya daripada seseorang dari Bani Ghifar. Di samping itu terdapat juga amalan wakaf yang dilakukan oleh para sahabat baginda Rasulullah SAW dalam bentuk

harta alih, iaitu seperti yang dilakukan oleh sahabat yang bernama Khalid Bin al-Walid yang mana beliau pernah mewakafkan baju-baju besinnya untuk kebaikan di jalan Allah SWT. Sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah SAW dalam satu hadith:

وأما خالد، فانكم تظلمون خالدا، فانه احتبس أدرعه وأعتده في سبيل الله

*Adapun Khalid, maka sesungguhnya kamu menzalimi Khalid, maka sesungguhnya beliau telah mewakafkan baju-baju besinya dan beliau menyediakannya pada jalan Allah.*

(Hadith riwayat Bukhari dan Muslim Dalam Wahbah 2011)


Kemudian pada zaman pemerintahan kerajaan Islam, amalan wakaf di kalangan umat Islam telah berkembang pesat. Hasilnya sebanyak tiga perempat ( $3/4$ ) daripada keluasan tanah Arab pada zaman kerajaan Uthmaniyyah adalah merupakan tanah wakaf, separuh ( $1/2$ ) daripada tanah di Algeria, satu pertiga ( $1/3$ ) keluasan tanah di Tunisia dan satu perlapan ( $1/8$ ) tanah di Mesir merupakan tanah wakaf pada pertengahan abad ke-19 (Rohayu & Razali 2009). Menurut Stilman (2000) seperti yang dipetik oleh Rohayu dan Razali (2009) sebahagian besar daripada kebajikan dan perkhidmatan sosial dalam dunia Islam disumbangkan melalui wakaf. Di mana institusi wakaf telah memainkan peranan penting dalam menyediakan banyak perkhidmatan sosial seperti pembinaan infrastruktur (contoh: jalan raya, jambatan dan sistem pengairan), perkhidmatan kemasyarakatan (contoh: hospital dan menjaga kebajikan orang-orang miskin dan mereka yang memerlukan bantuan), perkhidmatan pendidikan (contoh: pembinaan sekolah, perpustakaan, universiti dan menyediakan geran kepada pelajar serta membiayai gaji para pendidik) dan perkhidmatan keagamaan (contoh: pembinaan masjid dan membayar gaji mereka yang menguruskannya) (Yediyildiz 1996).

Daripada sejarah wakaf tersebut, ia jelas menunjukkan kepada kita tentang keberkesanan fungsi wakaf sebagai pemangkin kepada pembangunan sosio-ekonomi ummah pada ketika itu. Di mana pada zaman tersebut sebahagian besar daripada kebajikan dan perkhidmatan sosial dalam dunia Islam telah disumbangkan melalui wakaf. Setiap orang pada zaman itu mendapat manfaat daripada sumber wakaf baik secara langsung atau tidak langsung (Stilman 2000). Sehingga menurut Yediyildiz (1996) dalam Rohayu & Razali (2009) menyatakan bahawa pada zaman kegemilangan wakaf itu insan dilahirkan di dalam rumah wakaf, tidur dalam buaian wakaf, makan dan minum daripada harta wakaf, membaca buku yang diwakafkan, menerima gaji daripada pentadbiran wakaf dan bila insan ini meninggal dunia, ia diletakkan di dalam keranda dan dikebumikan di tanah kubur wakaf.

#### **4. PERANAN WAKAF DALAM MENGUPAYAKAN EKONOMI UMMAH TERSISIH**

Dalam memainkan peranan mengupayakan ekonomi ummah tersisih, instrumen wakaf boleh diaplikasikan dalam bentuk integrasi antara dua bentuk wakaf iaitu tabung kewangan wakaf (TKW) dan juga pasar wakaf (PW). TKW memainkan peranan dalam bentuk pembiayaan. Manakala PW pula bertindak sebagai tempat untuk ummah tersisih menjana pendapatan mereka melalui kegiatan ekonomi iaitu menerusi perniagaan.

Rajah 1: Rangka kerja teori pengupayaan ekonomi ummah tersisih melalui instrumen wakaf



#### 4.1 Tabung Kewangan Wakaf

Tabung kewangan wakaf (TKW) adalah sebuah tabung kewangan sosial yang ditubuhkan melalui instrumen wakaf untuk memenuhi matlamat faedah sosial kepada semua pihak yang berkenaan. Objektif utama penubuhan TKW adalah untuk menerima deposit terutama deposit wakaf tunai daripada masyarakat awam dan memainkan peranan memberi pembiayaan untuk tujuan pembangunan sosial ekonomi umat Islam. Di mana TKW ini akan berfungsi seperti sebuah bank iaitu menerima deposit dan memberi pembiayaan. Ia berfungsi seperti sebuah bank kerana bank merupakan institusi kewangan yang paling berjaya dan efektif dalam memainkan peranan sebagai penerima deposit dan penyalur dana bantuan ekonomi kepada pihak yang berkenaan. Hal ini disebabkan oleh institusi bank yang tertakluk kepada pengawal seliaan dan penilaian audit yang ketat. Di samping mengamalkan budaya korporat yang efektif.

Dalam konteks ini, TKW akan bertindak sebagai pengurus dana wakaf yang akan menggerakkan serta melabur dana tersebut secara efisien selaras dengan prinsip-prinsip asset wakaf yang sepatutnya dan selari dengan tugas sebagai pemegang amanah bagi melindungi modal wakaf dan meningkatkan pendapatan melaluinya. Tindakan ini adalah penting bagi menjamin kelestarian modal wakaf tersebut. Secara spesifiknya, selain daripada melindungi modal wakaf dan meningkatkan pendapatan, TKW juga berperanan meminimumkan risiko pelaburan, mengambil langkah kontigensi bagi susut nilai dan risiko lain, dan memohon pengecualian cukai daripada kerajaan bagi pihak pelanggan. Dari sudut pembiayaan, TKW mestilah memberi keutamaan kepada projek-projek yang selari dengan maqasid syariah, memberi manfaat kepada semua penduduk tempatan dan kepentingan benefisiari (Mohamad Tahir 2011).

Langkah awal yang boleh diambil dalam proses penubuhan TKW adalah dengan cara menggabungkan beberapa kaedah wakaf iaitu seperti wakaf harta tanah dan wakaf tunai. Di mana wakaf harta tanah dan wakaf tunai dikumpulkan daripada orang awam untuk tujuan khas yang dinyatakan iaitu harta yang hendak diwakafkan itu adalah untuk kegunaan penubuhan TKW. Pada masa yang sama kerjasama dengan kerajaan boleh diwujudkan melalui perolehan dana daripada geran kerajaan dalam bentuk wakaf, badan korporat melalui wakaf korporat dan pelbagai institusi wakaf yang lain. Dari sudut pemilikan institusi, TKW hendaklah dikawal sepenuhnya oleh sama ada institusi wakaf atau mana-mana badan khas yang dilantik oleh kerajaan. Bagi memastikan amalan wakaf boleh dilakukan secara terbuka dan berterusan kepada masyarakat awam, TKW perlu memperkenalkan akaun deposit wakaf untuk orang ramai. Di mana akaun tersebut boleh terdiri daripada akaun wakaf yang bersifat umum atau akaun wakaf bersifat khusus untuk kegunaan projek sosio-ekonomi tertentu.

Oleh yang demikian orang awam boleh melaksanakan amalan wakaf melalui akaun deposit wakaf yang disediakan oleh TKW. Setiap tunai yang didepositkan ke dalam akaun wakaf tersebut, pihak TKW akan mengeluarkan sijil wakaf yang mana sijil tersebut boleh dijadikan bukti untuk permohonan pengecualian cukai daripada kerajaan. Di sini peranan kerajaan adalah penting dalam menyokong institusi TKW ini, iaitu dengan cara melaksanakan pengecualian cukai bagi sesiapa yang terlibat dalam urusan sebagai pendeposit dana wakaf kepada TKW ini.

Dari sudut operasi, TKW akan beroperasi seperti institusi kewangan dan perbankan Islam yang lain dan ia hendaklah terikat serta tertakluk kepada peraturan-peraturan perbankan Islam yang sedia ada dalam negara. Walau bagaimanapun, fokus utama yang dimainkan oleh TKW

ini adalah berbeza daripada bank-bank atau institusi kewangan Islam yang sedia ada yang lain. Di mana TKW akan bertindak menguruskan dana-dana yang dijana melalui instrumen wakaf khas tadi secara cekap dan akan menggunakan dana-dana tersebut untuk membuat pelaburan dalam projek-projek berteraskan pembangunan sosio-ekonomi yang produktif serta patuh syariah bagi memaksimumkan manfaat sosio-ekonomi kepada ummah.

Oleh yang demikian, tumpuan utama TKW dalam pemilihan projek pelaburan adalah projek-projek pelaburan yang berasaskan manfaat dan keperluan sosial bukan hanya keuntungan material semata-mata. Bagi mencapai faedah sosio-ekonomi yang maksimum terutamanya kepada komuniti yang mengalami PS, jadi TKW perlu diuruskan oleh pengurusan yang lebih cekap, supaya pulangan dan manfaat wakaf dapat dioptimumkan. Bagi memastikan operasi TKW mematuhi objektif manfaat sosial kepada golongan sasaran, tabung kewangan tersebut perlu dipantau oleh badan khas seperti jawatankuasa khas yang ditubuhkan khusus untuk tujuan tersebut. Di mana dalam jawatankuasa tersebut, ia boleh terdiri daripada pakar-pakar syariah, pakar kewangan dan sekuriti dan sebagainya.

Disamping itu TKW juga perlu dikawal selia berdasarkan prinsip-prinsip wakaf. TKW hendaklah diaudit dan diselia oleh lembaga penasihat syariah dan ia juga tertakluk kepada sekatan-sekatan tertentu daripada bank pusat bagi tujuan penyelenggaraan modalnya, termasuk pelbagai transaksi yang melibatkan modal tersebut digunakan. Jadi secara kesimpulannya, TKW juga sama seperti dengan bank-bank atau institusi kewangan Islam yang lain dari sudut kawalan selia yang mana ia terikat kepada penyeliaan daripada lembaga penasihat syariah, pemegang saham dan bank pusat. Badan-badan tersebut akan menilai prestasi TKW dari semasa ke semasa untuk mencegah daripada berlaku penyelewengan dan kecuaihan daripada maksud asal tabung kewangan ini ditubuhkan, ketidakcekapan mengurus dan mengawal kestabilan TKW tersebut. Ini penting bagi memastikan supaya TKW ini dapat berfungsi secara berterusan dan mampan dalam menyelesaikan masalah ekonomi ummah terutamanya ummah yang mengalami masalah PS dan penyisihan kewangan.

Jadi dengan adanya TKW ini, ia akan memainkan peranan dalam meningkatkan peluang akses kemudahan kredit kepada komuniti yang mengalami masalah PS dan penyisihan kewangan melalui pembiayaan kepada mereka untuk memenuhi keperluan asas terutamanya dalam bentuk modal kewangan untuk mereka memulakan dan mengembangkan perniagaan. Pembiayaan itu boleh diberikan sama ada dalam bentuk *qardhul hasan*, *mudharabah*, *musyarakah* dan sebagainya.

## **4.2 Pasar Wakaf**

Pasar wakaf (PW) diwujudkan sebagai tempat ruang niaga kepada golongan sasaran terutamanya golongan ummah tersisih untuk menjalankan perniagaan. PW boleh diwujudkan samada melalui wakaf harta tanah, wakaf *istibdal* dan wakaf tunai dalam bentuk wakaf kaki atau gabungan ketiga-tiga bentuk wakaf sekali gus. Melalui wakaf harta tanah, nazir atau pihak berkuasa hal ehwal wakaf tempatan perlu mengenal pasti tanah wakaf yang masih belum dimanfaatkan dan memilih tanah wakaf yang paling sesuai dan strategik dari sudut keluasan, lokasi dan sebagainya untuk dibangunkan PW. Jika bekalan tanah wakaf sedia ada tidak mencukupi terutama dari sudut keluasan untuk membangunkan PW, maka wakaf *istibdal* dan wakaf tunai dalam bentuk wakaf kaki dapat digunakan bagi menampung kekurangan tersebut.

Wakaf *istibdal* bermaksud tindakan atau amalan menggantikan harta wakaf tertentu dengan harta lain. Di mana penggantian harta wakaf boleh dilakukan sama ada melalui tukaran, jualan atau belian mengikut tuntutan syarak. Tujuan *istibdal* adalah untuk mendapatkan harta yang lebih baik dengan mengekalkan tujuan asal wakaf tersebut supaya pahala daripadanya terus dinikmati oleh wakif (Abdul Ghafar *et al.* 2011). Dalam konteks pembangunan PW, nazir akan mengenal pasti mana-mana tanah wakaf yang bersaiz kecil dan terletak bertebaran di tempat yang tidak berupaya menghasilkan manfaat yang sewajarnya.

Seterusnya nazir melalui kuasa yang ada padanya bertindak melakukan *istibdal* terhadap tanah-tanah tersebut dengan cara menjualnya dan daripada perolehan hasil jualan tadi digunakan untuk membeli sebidang tanah yang lebih luas, strategik dan sesuai untuk dibangunkan sebagai PW. Manakala wakaf kaki pula bermaksud wakaf yang dikeluarkan dan dijual oleh institusi kepada orang ramai berdasarkan keluasan kawasan harta wakaf (Abdul Ghafar *et al.* 2011).

Pembangunan PW melalui wakaf tunai dalam bentuk wakaf kaki pula adalah nazir bertindak menubuhkan tabung atau membuka kaunter wakaf bagi tujuan khas iaitu untuk kegunaan pembangunan PW. Melalui wakaf ini, wakif akan membayar harga tanah wakaf untuk tujuan tersebut mengikut keluasan yang dinyatakan. Ukuran keluasan yang digunakan adalah dalam ukuran kaki persegi dan harga keluasan tanah untuk setiap kaki persegi itu ditentukan oleh nazir. Maka nazir akan menggunakan dana wakaf yang dikumpul itu untuk membeli harta tanah wakaf berkenaan untuk digunakan sebagai tapak PW. Dari sudut pemilikan PW, sama juga seperti TKW iaitu ia hendaklah dikawal sepenuhnya oleh samada institusi wakaf atau mana-mana badan khas yang dilantik oleh kerajaan untuk tujuan urus tadbir. PW dibina samada dalam bentuk bangunan bazar tertutup seperti pasar raya yang mempunyai banyak lot-lot kedai di dalamnya ataupun PW itu boleh berupa sebuah pasar terbuka seperti pasar tani, pasar malam dan bazar ramadhan. Di mana pasar tersebut akan dibahagikan mengikut lot-lot berdasarkan keluasan tertentu.

Selain itu, PW ini perlu sentiasa dipantau dalam aspek jenis perniagaan yang hendak dijalankan di sana. Supaya PW terpelihara daripada kegiatan perniagaan yang bercanggah dengan syarak. Dengan itu, golongan ummah tersisih yang mendapat kemudahan pembiayaan dalam bentuk modal kewangan daripada TKW tadi boleh menjalankan perniagaan di PW samada secara percuma atau dengan kadar sewa yang paling minimum. Perolehan daripada bayaran sewa yang dikenakan itu akan digunakan untuk menampung segala kos yang berkaitan dengan pembangunan prasarana untuk kemudahan dan kelesaan peniaga dan pengunjung PW seperti membesarkan ruang letak kereta, pembinaan dan pengurusan tandas awam dan surau di PW tersebut dan sebagainya. Melalui cara ini, ia dapat mencipta peluang pekerjaan kepada golongan ummah tersisih secara berkesan menerusi perniagaan dengan kos tetap yang paling minimum. Akhirnya mereka dapat menjana pendapatan dan kekayaan melalui hasil usaha mereka sendiri.

## **5. KESIMPULAN**

Konsep ummah tersisih dalam kertas kerja ini adalah merujuk kepada umat Islam yang tergolong dalam komuniti yang mengalami masalah PS. Di mana PS biasa dikaitkan dengan mereka kurang bernasib baik yang mengalami masalah-masalah seperti kemiskinan, pengangguran, tahap kemahiran yang rendah, pendapatan rendah, perumahan yang daif dan sebagainya. Maka kajian ini cuba untuk melihat bagaimana instrumen kewangan awam Islam iaitu dalam bentuk wakaf dapat diaplikasikan dalam memainkan peranan bagi menyelesaikan

masalah ummah tersisih dari segi pengupayaan ekonomi. Supaya golongan ummah tersisih juga dapat menikmati kemakmuran ekonomi seperti mereka yang lain di dalam sesebuah negara.

Kajian ini mencadangkan integrasi antara tabung kewangan wakaf (TKW) dan pasar wakaf (PW) sebagai salah satu mekanisme yang boleh dibangunkan bagi merealisasikan cita-cita tersebut. Melalui penubuhan TKW dan PW, ia dapat mewujudkan sumber ekonomi dan memberi akses kepada peluang ekonomi kepada komuniti ummah yang mengalami PS. Di mana mereka bukan sahaja diberi kemudahan kredit sebagai modal untuk menjalankan perniagaan malah mereka juga diberikan tempat atau tapak khas untuk mereka menjalankan perniagaan dengan kos tetap yang paling minimum. Dengan ini, ia dapat mengupayakan ekonomi ummah tersisih menerusi penciptaan peluang pekerjaan kepada mereka melalui perniagaan atau keusahawanan. Di mana kegiatan ekonomi tersebut dapat menjana pendapatan dan kekayaan kepada mereka. Akhirnya membawa kepada kesejahteraan ummah secara keseluruhannya.

## RUJUKAN

- Abdul Basir Mohamad, Mohd Ridzuan Awang & Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa. *Kamus ekonomi Islam: perniagaan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Ghafar Ismail, Sanep Ahmad & Jaafar Ahmad. 2011. *Kamus kewangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anderloni, L., Bayot, B., Błędowski, P., Iwanicz-Drozdowska, M. & Kempson, E..2008.
- Financial Services Provision And Prevention Of Financial Exclusion. European Commission.
- Asmak Ab Rahman. 2009. Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah* 17(1): 113-152.
- Bhalla, A. & Lapeyre, F. 1997. Social Exclusion: Towards an analytical and operational framework. *Development and Change* 28: 413-433.
- Byrne, D.S. 1999. *Social Exclusion, Issues In Society Series*. Buckingham: Open University Press.
- Castel, R. 1995. *Les me Â tamorphoses de la question sociale*. Paris: Fayard.
- Goodban, N. (1985). The psychological impact of being on welfare. *Social Services Review*. 59: 403-422.
- Haan, A. (1998). Social exclusion: An alternative concept for the study of deprivation? *IDB Bulletin*. 29(1): 10-19.
- Leyshon. A. 2009. *Financial Exclusion*. Nottingham: Elsevier Ltd.
- Mohamad Akram Laldin, Mek Wok Mahmud & Mohd Fuad Sawari. 2008. Maqasid syariah dalam pelaksanaan waqaf. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 2(2): 1-23.

- Mohammad Tahir Sabit Haji Mohammad. 2011. Towards an Islamic Social (Waqf) Bank. *International Journal of Trade, Economics and Finance* 2(5): 381-386.
- Mohd Fauzi Mohd Harun. 2006. Peminggiran dan kemiskinan orang Asli di negeri Perak. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho & Ali asy-Syarbaji. 2009. *Kitab fikah mazhab Syafie*. Jil. 5. Terj: Ridzuan Hashim, Juanda Jaya, Azizi Ismail, Asri Hashim & Salehan Ayub. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Paugam, S. 1993. *La disqualification sociale-essai sur la nouvelle pauvreté* . Paris: PUF (republished in 1991).
- Siti Hajar Abu Bakar Ah. 2009. *Intervensi sosial untuk komuniti tersisih di Malaysia*. Dalam Raihanah Abdullah (penyunting). *Pembelaan Kumpulan Minoriti di Malaysia*. hlm.181-205. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Siti Hajar Abu Bakar, Noralina Omar, Abd Hadi Zakaria & Haris Abd Wahab. 2012. Intervensi sosial untuk komuniti tersisih: ke arah pembangunan ummah. *Jurnal Hadhari* 4 (2): 29 – 44
- Department of International Development (DFID). 2005. *Reducing poverty by tackling social exclusion A DFID policy paper*. London: Department for International Development.
- Rohayu Abdul Ghani & Razali Othman. 2009. Kuasa Barat Dan Implikasinya Terhadap Pengurusan Institusi Wakaf. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 3(2): 1-24.
- Scott, J. & Marshall, G. 2009. *A Dictionary of Sociology*. Oxford: Oxford University Press.
- Silver, H. 1995. Reconceptualizing social disadvantage: three paradigms of social exclusion. In Rogers, G., Gore, C. & Figuirodo, J.B. (Eds). *Social exclusion: rhetoric, reality, response*. Geneva: Institutes of International Labour Studies: 58-80.
- United Nations Development Programme (UNDP). 2006. *Poverty, Unemployment and Social Exclusion*. Croatia.
- Wan Ariffin Wan Yon, Mohd Syahiran Abdul Latif & Hasan b. Bahrom. 2008. Mekanisme Wakaf: Gagasan Awal Terhadap Pembangunan dan Pembiayaan Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Islam Borneo. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 2(2): 63-84.
- Wahbah al-Zuhaili. 2011. *Fiqh dan Perundangan Islam*. Jil.8. Terj: Syed Ahmad Syed Hussein. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Warsame, Mohamed,Hersi. 2009. *The role of Islamic finance in tackling financial exclusion in the UK*. Doctoral thesis, Durham University.
- Yusuf al-Qaradhawi. 2000. *Kemiskinan dan cara Islam mengatasinya*. Pentjemah: Arsil Ibrahim. Kuala Lumpur: Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YAPIEM).

Jabatan Perangkaan Malaysia 2012. *Bank data negeri / daerah Malaysia 2012*.

Kementerian Kewangan Malaysia. \_\_\_\_\_. *Laporan Ekonomi*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Unit Perancang Ekonomi. 2010. *Rancangan Malaysia kesepuluh 2011-2015*. Putrajaya: Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.

JabatanKebajikan Masyarakat 2014. [http://www.jkm.gov.my/images/stories/pdf/kesorang\\_papa2010.pdf](http://www.jkm.gov.my/images/stories/pdf/kesorang_papa2010.pdf)  
<http://www.epu.gov.my/documents/10124/d40ca7bf-bdc4-40b6-83e7-28370f3d6cfa>